

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : ISU

JEMAAH UMRAH DIJANGKITI MERS-CoV

'Jangan lawat ladang unta'

➔ Kementerian nasihat usah ambil susu, daging haiwan pembawa MERS-CoV

Oleh Suhaila Shahrul Anuar, Ahmad Suhael Adnan dan Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kementerian Kesihatan menasihatkan syarikat pengendali pakej umrah dan ziarah tidak menganjurkan lawatan ke ladang unta bagi mengelakkan risiko jangkitan Sindrom Pernafasan Virus Korona Asia Barat (MERS-CoV).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata nasihat itu dikeluarkan berdasarkan bukti saintifik bahawa unta adalah haiwan pembawa MERS-CoV.

"Secara umum, Kementerian Kesihatan sudah memberi nasihat kepada semua yang mengerjakan umrah, jika boleh jangan pergi ke ladang unta, jangan minum susu atau makan daging unta.

"Bukti saintifik menunjukkan haiwan berkenaan dikesan pembawa penyakit MERS-CoV

dan saya harap mereka boleh ambil perhatian dengan mengelakkan lawatan ke ladang unta, termasuk elak makan daging dan minum susu haiwan berkenaan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Tingkat pemeriksaan

Dr Subramaniam berkata, Kementerian Kesihatan sudah meningkatkan pemeriksaan kesihatan termasuk menjalankan saringan suhu badan di setiap pintu masuk negara, terutama lapangan terbang antarabangsa bagi mengelak penularan jangkitan MERS-CoV.

Mengenai keadaan seorang jemaah umrah Malaysia yang disahkan dijangkiti MERS-CoV, Dr Subramaniam berkata, pesakit itu kini dalam keadaan stabil.

Beliau berkata, pengesanan serta pemantauan ke atas 70 kontak pesakit seperti ahli keluarga, jemaah umrah dalam kumpulan sama, anggota kesihatan di fasiliti kesihatan yang merawat serta kontak rapat dalam pesawat yang dinaiki pesakit sedang dibuat.

"Daripada jumlah itu, 41 kontak rapat yang tiada gejala diletakkan di bawah arahan pengawasan di rumah selama 14 hari dari hari terakhir mereka mempunyai kontak dengan pesakit dan selebihnya negatif MERS-CoV," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Johan Abdullah, berkata larangan



Bukti saintifik menunjukkan haiwan berkenaan dikesan pembawa penyakit MERS-CoV dan saya harap mereka boleh ambil perhatian dengan mengelakkan lawatan ke ladang unta termasuk elak makan daging dan minum susu haiwan berkenaan"

Dr S Subramaniam,
Menteri Kesihatan

terhadap jemaah haji dan umrah negara untuk melawat ladang unta yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan sejak Julai 2015 kekal selagi virus itu tidak dapat dikawal sepenuhnya.

Patuhi larangan

"Jemaah haji dan umrah serta syarikat umrah persendirian perlu mematuhi larangan tidak melawat ladang unta bagi mengelak jemaah haji dan umrah dijangkiti wabak MERS-CoV.

"TH dan Kementerian Kesihatan sentiasa bekerjasama mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan MERS-CoV kepada bakal jemaah haji serta langkah pencegahan ketika kursus haji di seluruh negara.

"TH juga memastikan tiada program ziarah ke ladang unta di Tanah Suci sejak larangan itu dikeluarkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, Timbalan Presiden Persatuan Agensi-Agensi Pelancongan dan Pengembaraan Bumiputera Malaysia (BUMITRA), Harun KC Ahmmu, berkata penularan jangkitan MERS-CoV berlaku di semua ladang unta di Tanah Suci dan tidak terhad di Hudaibiyah.

"BUMITRA pernah menganjurkan sesi penerangan mengenai isu berbangkit dengan pihak terbabit, namun terbukti tidak berkesan. Ada pengendali yang masih degil, sekali gus membuka ruang jemaah dijangkiti MERS-CoV," katanya ketika dihubungi BH.